

# Pelari Sabah kuasai K00P Run SMK Labuan 2019



**Labuan, 31 Julai** – Pelari dari Sabah Safree Sabdin dan Marlin Hing William mengungguli K00P Run 5 Kilometer SMK Labuan 2019 yang diadakan pada ahad lalu bersempena dengan Hari Koperasi Sekolah SMK Labuan.

Safree Sabdin dari Penampang Sabah menguasai kategori Lelaki, meninggalkan Aizan Sofizan (Tamparuli) ditempat kedua dan Fabian Osmond Daimond (Inanam) ditempat ketiga.

Marlin Hing muncul juara kategori Perempuan dengan mengatasi pencabar terdekat Melsheira Junit dari Tenom dan Davein Joyce a/p Habalan dari Beaufort, masing-masing menduduki tempat kedua dan ketiga.

Johan bagi setiap kategori membawa pulang wang tunai RM 500 dan sijil penyertaan. Naib johan dan tempat ketiga mendapat RM 300 dan RM 100 berserta sijil.

Manakala tempat ke 4 hingga ke 10 membawa pulang wang tunai RM 50 dan sijil penyertaan.

Seramai 240 orang peserta telah menyertai larian ini yang

telah disempurnakan oleh Pengetua SMK Labuan, Encik Ismail bin Abdullah.



Peserta-peserta K00P Run 5 km SMKL 2019

Encik Ismail mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan pihak-pihak yang menyumbang hadiah-hadiah sempena Koop Run SMK Labuan ini.

*“Semoga acara ini akan menjadi daya tarikan untuk acara yang lebih besar kerana SMK Labuan bercadang untuk menganjurkan Larian SMK Labuan 100 Tahun pada tahun 2021 nanti, seterusnya menyemarakkan pelancong luar datang ke Labuan”. Encik Ismail Abdullah*

Turut memeriahkan program tersebut, Yang DiPertua PIBG SMK Labuan, Tuan Haji Md Yusof Haji Chuchu, Puan Zalina Zunkepely (Penolong Kanan Pentadbiran), Puan Marziawati Mardan (Penolong Kanan Hal Ehwal Murid), Encik Cheah Teong Aik (Penolong Kanan Kokurikulum), Encik Saminan Sabtu (Penolong Kanan Pusat Tingkatan Enam) dan Encik Kitli Beka (Penolong Kanan Petang).

**Berita Oleh : SMK Labuan**



Encik Ismail bersama para pemenang kategori lelaki KOOP Run SMK Labuan 2019



Safree Sabdin Johan kategori Lelaki



Marlin Hing William Johan Kategori Perempuan